

Kenaikan tambang bas membebankan



Kenaikan tambang bas wajar sesuai dengan peningkatan kualiti perkhidmatan. [GAMBAR HIASAN]

Cadangan Persatuan Pengusaha Bas Seluruh Malaysia (PMBOA) untuk menaikkan tambang bas sangat merunsingkan orang ramai, terutama bagi pelajar yang menuntut jauh dari kampung halaman.

Kebanyakan pelajar bergantung pada pinjaman seperti Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan biasiswa Jabatan Perkhid-

matan Awam (JPA) untuk melanjutkan pelajaran.

Tiada jaminan kualiti perkhidmatan

Kenaikan tambang secara drastik amat membebankan, apatah lagi tiada jaminan kualiti perkhidmatan diutamakan.

Terdapat pelbagai inisiatif boleh dilaksanakan pihak berkuasa bagi menangani masalah ini.

Kementerian Pendidikan bo-

leh berganding bahu dengan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dengan memberi diskaun 50 peratus kepada pelajar menggunakan bas.

Cara ini menepati matlamat penubuhan SPAD, antaranya untuk memastikan sistem pengangkutan awam darat mampu meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan kualiti hidup.

Contoh yang terbaik ialah Keretapi Tanah Melayu Ber-

FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel:

**bhforum@
mediaprima.com.my**

had (KTMB) yang memberi diskaun 50 peratus kepada pelajar tempatan yang berumur 13 tahun ke atas bagi perjalanan jarak jauh.

KADS1M bantu pelajar

Kad Diskaun Siswa 1Malaysia (KADS1M) diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dalam Bajet 2010 bertujuan membantu pelajar menggunakan pengangkutan awam.

Kerajaan wajar menyenaraikan syarikat bas terbabit dalam senarai syarikat berdaftar KADS1M.

Norhafizah Azizan
Universiti Sains Islam
Malaysia (USIM)